

UNTUK SIARAN SEGERA

JCorp Catat Prestasi Kukuh TK2025 Ketika Johor Memasuki Fasa Pertumbuhan Baharu

Perolehan mencecah RM7.63 bilion dan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1 bilion, mengukuhkan peranan Johor Corporation (JCorp) dalam mencipta nilai serta memperkasakan komuniti lestari di seluruh Johor dan Malaysia

Pencapaian Utama TK2025

- Hasil Kumpulan Disatukan mencecah RM7.63 bilion, meningkat 10 peratus berbanding TK2024.
- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) berjumlah RM1.04 bilion, meningkat 45 peratus berbanding TK2024.
- Keuntungan Selepas Cukai (PAT) sebanyak RM703 juta, lebih dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya.
- Aset bersih meningkat kepada RM12.21 bilion sekali gus mencerminkan penyata kedudukan kewangan yang kukuh dan bertambah baik.
- Tunai dan setara tunai meningkat kepada RM2.77 bilion, mengukuhkan kemampuan Kumpulan untuk merebut peluang pertumbuhan masa hadapan.
- QSR Brands kembali mencatat keuntungan, manakala KPJ Healthcare dan Kulim menampilkan prestasi operasi yang kukuh.

KUALA LUMPUR, 22 JUN 2026 – Kumpulan Johor Corporation (JCorp) hari ini mengumumkan prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (TK2025), dengan mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam perolehan, keuntungan dan aset bersih hasil daripada langkah proaktif Kumpulan memperkukuh portfolio serta kemampuan organisasinya.

Kumpulan JCorp merekodkan perolehan sebanyak RM7.63 bilion, meningkat 10 peratus daripada RM6.96 bilion pada TK2024. Keuntungan sebelum cukai naik kepada RM1.04 bilion, melonjak 45 peratus daripada RM718 juta pada tahun sebelumnya, manakala keuntungan selepas cukai naik lebih dua kali ganda kepada RM703 juta.

Prestasi memberangsangkan ini didorong oleh momentum berterusan dalam sektor teras Kumpulan khususnya Kesejahteraan & Kesihatan serta Agribisnes hasil sokongan pengurusan kos yang berdisiplin, peningkatan kecekapan operasi dan sumbangan lebih tinggi daripada portfolio syarikat.

Sehingga 31 Disember 2025, aset bersih Kumpulan mencapai nilai RM12.21 bilion, mengukuh daripada RM11.76 bilion pada TK2024. Tunai dan setara tunai meningkat kepada RM2.77 bilion, manakala nisbah pengedaran kasar bertambah baik kepada 0.75 kali, sekali gus membuktikan kekuatan berterusan penyata kedudukan kewangan serta pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat.

Jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) Kumpulan JCorp mencecah hampir RM30 bilion. Ini mencerminkan skala Kumpulan yang semakin berkembang dan komitmen berterusan dalam mencipta nilai jangka panjang untuk pemegang taruh.

MEMBINA DAN MEMBELA

KENYATAAN Pengerusi

Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi merangkap Pengerusi JCorp, berkata pencapaian membanggakan yang dicatatkan ini mencerminkan asas kukuh perniagaan JCorp serta momentum pertumbuhan ekonomi Johor secara keseluruhan.

“Prestasi JCorp membuktikan nilai tadbir urus jangka panjang, pelaksanaan yang berdisiplin dan hala tuju strategik yang jelas. Dengan peningkatan kecenderungan pelaburan ke Johor, JCorp memainkan peranan penting dalam memastikan peluang ekonomi diterjemahkan kepada penciptaan nilai yang lestari, peluang pekerjaan berkualiti dan komuniti yang berkembang maju.

“Prestasi Kumpulan mencerminkan kemajuan yang dicapai merentasi portfolio syarikat sekali gus menyerlahkan perjalanan transformasi JCorp sebagai sebuah institusi strategik yang menyumbang kepada agenda pembangunan Johor. Sebagai institusi pembangunan utama negeri, JCorp kekal komited untuk memangkin pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti dan memperkukuh daya tahan ekonomi demi manfaat rakyat Johor.

“Usaha ini selaras dengan tujuan penubuhan JCorp iaitu Membina & Membela, mencipta nilai serta memperkasakan komuniti lestari. Matlamat JCorp juga seiring aspirasi Maju Johor yang bertujuan membina lebih banyak kemakmuran, inklusif dan Johor yang bersedia menghadapi masa depan melalui pertumbuhan ekonomi lestari, komuniti lebih kuat dan lebih banyak peluang untuk semua.”

KENYATAAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF

Presiden & Ketua Eksekutif JCorp, YBhg Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, berkata TK2025 menggambarkan kemajuan JCorp dalam memperkukuhkan kualiti portfolio dan membina organisasi yang mampu mencipta nilai berkekalan.

“Kami menyambut baik prestasi yang dicapai pada tahun ini, bukan sahaja kerana pencapaian kewangan yang memberangsangkan, tetapi juga kerana ia mencerminkan penambahbaikan berterusan dalam portfolio, keupayaan operasi dan asas institusi kami.

“Di seluruh Kumpulan, kami melihat manfaat daripada peruntukan modal yang lebih bijak dan berkesan, disiplin operasi lebih ketat serta tumpuan yang jelas terhadap penciptaan nilai. Langkah ini secara tidak langsung memperkukuhkan penyata kedudukan kewangan sambil terus melabur dalam sektor penting untuk pertumbuhan dan daya saing masa depan Johor.

“Fokus kami bukan sekadar mengembangkan perniagaan, tetapi membina institusi yang berdaya tahan, kekal relevan, berdaya saing dan memberi impak untuk beberapa dekad akan datang.

“Ketika mana Johor memasuki fasa peluang baharu yang disokong oleh peningkatan momentum pelaburan, hubungan serantau yang lebih mendalam dan kemunculan sektor pertumbuhan baharu, JCorp akan memastikan portfolio syarikat berada dalam kedudukan terbaik untuk menyertai, bersaing dan menerajui perkembangan tersebut.

“Setiap pelaburan, kerjasama dan inisiatif strategik yang dilaksanakan bertujuan memperkukuhkan institusi kami, memperluaskan peluang ekonomi dan mewariskan legasi yang berkekalan untuk generasi akan datang.”

MEMBINA DAN MEMBELA

PENCAPAIAN SEGMENT

Kesejahteraan & Kesihatan

KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) kekal menjadi penyumbang terbesar kepada hasil Kumpulan dengan mencatatkan RM4.26 bilion pada TK2025 iaitu meningkat 9 peratus berbanding TK2024. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan jumlah pesakit dalam, pesakit luar dan aktiviti pembedahan di seluruh rangkaian hospitalnya.

Keuntungan sebelum cukai mencecah RM563 juta, disokong oleh penstrukturan operasi yang lebih cekap, inisiatif pengembangan kapasiti serta kos pembiayaan lebih rendah selain peningkatan kecekapan dan produktiviti.

KPJ Healthcare terus mengukuhkan kedudukan sebagai penyedia penjagaan kesihatan swasta terkemuka Malaysia menerusi pembangunan Sistem Kesihatan KPJ yang mengintegrasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan, pendidikan, penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan hasil klinikal serta pengalaman penjagaan pesakit.

Agribisnes

Segmen Agribisnes yang diterajui Kulim (Malaysia) Berhad dan disokong oleh Johor Plantations Group Berhad (JPG) memaparkan prestasi cemerlang pada TK2025. Perolehannya meningkat kepada RM1.76 bilion, didorong harga komoditi yang menggalakkan, kecekapan operasi lebih tinggi dan produktiviti secara konsisten dalam operasi perladangan.

Keuntungan sebelum cukai melonjak dengan ketara kepada RM472 juta hasil pendapatan hulu yang kukuh, kecekapan pengurusan kos serta manfaat berterusan daripada penambahbaikan proses yang dilaksanakan di seluruh sektor ini.

Prestasi ini membuktikan kekuatan portfolio agribisnes Kumpulan dalam mencipta nilai melalui pengurusan perladangan lestari, kecemerlangan operasi dan strategi pertumbuhan jangka panjang.

Sektor ini terus menjadi penyumbang utama kepada keuntungan Kumpulan dan pada masa sama menyokong sekuriti makanan negara, pembangunan pertanian lestari dan penciptaan nilai ekonomi untuk pemegang taruh.

Hartanah & Infrastruktur

Bahagian Hartanah & Infrastruktur meraih perolehan sebanyak RM1.33 bilion, meningkat 28 peratus berbanding TK2024. Ini didorong terutamanya menerusi sumbangan lebih kukuh daripada pembangunan hartanah dan penyelesaian komuniti bersepadu.

Melalui ekosistem perniagaan JLand Group, bahagian ini memacu pembangunan yang menyokong pertumbuhan ekonomi Johor, pengembangan industri dan pembangunan komuniti. Ini termasuk pembangunan strategik perindustrian, komersial dan bersepadu yang dibentuk untuk memenuhi keperluan pelabur, perniagaan serta komuniti yang sentiasa berkembang.

Bahagian ini kekal menjadi pemacu penting agenda pertumbuhan jangka panjang Johor melalui pembangunan koridor ekonomi, destinasi pelaburan dan komuniti masa hadapan di seluruh negeri.

MEMBINA DAN MEMBELA

Makanan & Restoran

QSR Brands merekodkan perolehan sebanyak RM3.85 bilion pada TK2025 iaitu meningkat 19 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini membuktikan daya tahan perniagaan serta kekuatan jenama peneraju pasaran walaupun berdepan persekitaran operasi yang mencabar akibat perubahan corak perbelanjaan pengguna dan tekanan kos yang meningkat.

Lebih penting, Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan pada TK2025 selepas melalui perjalanan transformasi menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada kecekapan operasi dan pengurusan kos yang berdisiplin selain pengoptimuman portfolio serta peningkatan pengalaman pelanggan.

Pemulihan tersebut mencerminkan kejayaan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk pendigitalan, pengukuhan prestasi komersial dan fokus baharu terhadap pertumbuhan lestari.

Sebagai satu daripada perniagaan utama yang berhubung secara langsung dengan pengguna, prestasi QSR yang bertambah baik membuktikan keupayaan syarikat menyesuaikan diri, bersaing dan mencipta nilai jangka panjang sambil terus berkhidmat kepada jutaan pelanggan di rantau ini.

Prestasi JCorp

JCorp selaku entiti mencatatkan perolehan berjumlah RM473 juta dan keuntungan sebelum cukai mencecah RM507 juta.

Prestasi ini disokong oleh pendapatan dividen daripada syarikat pelaburan, jualan tanah industri, pendapatan sewaan serta aliran pendapatan berulang yang lain. Pencapaian ini adalah cerminan kekuatan portfolio pelaburan dan asas aset JCorp yang pelbagai.

Dari sudut operasi, JCorp mencatatkan prestasi lebih kukuh pada TK2025 berbanding tahun sebelumnya. Walaupun keuntungan selepas cukai lebih rendah berbanding 2024, keadaan ini disebabkan oleh pendapatan dividen luar biasa tinggi direkodkan pada 2024 yang didorong kejayaan penyenaian JPG. Tanpa mengambil kira sumbangan sekali sahaja (one-off) ini, prestasi operasi asas JCorp pada TK2025 menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan.

MEMBINA DI ATAS ASAS KUKUH

TK2025 adalah cerminan evolusi JCorp selaku institusi yang memiliki kedudukan penyata kewangan yang lebih kukuh, portfolio lebih berdaya tahan dan kapasiti lebih besar untuk merebut peluang yang mencipta nilai jangka panjang.

Dengan Pelan Penciptaan Semula JCorp 3.0 yang kini membuah hasil, Kumpulan sedang melangkah ke fasa transformasi seterusnya. JCorp berhasrat menjadi sebuah organisasi berteraskan AI (AI-First) dan pelaburan berimpak, bagi membolehkan institusi terus memanfaatkan peluang baharu serta menyampaikan nilai lestari jangka panjang kepada Johor dan rakyatnya.

Kumpulan akan terus memberi tumpuan kepada peruntukan modal yang berdisiplin, kecemerlangan operasi dan pembangunan keupayaan organisasi, sambil memanfaatkan teknologi, inovasi serta kerjasama strategik untuk meningkatkan daya saing.

MEMBINA DAN MEMBELA

Melangkah ke hadapan, JCorp kekal komited untuk memperkukuhkan portfolio, membina keupayaan organisasi dan menyampaikan nilai lestari kepada pemegang taruh sambil menyumbang kepada pertumbuhan serta daya saing Johor yang berterusan.

Ketika mana Johor terus mengukuhkan kedudukan selaku destinasi pelaburan utama dan koridor inovasi serantau, keutamaan JCorp ialah memastikan perniagaannya kekal berdaya saing, relevan dan bersedia untuk merebut peluang baharu khususnya dalam sektor penjagaan kesihatan, agribisnes, hartanah, infrastruktur serta pengguna.

-Tamat-

MENGENAI JOHOR CORPORATION

Johor Corporation (JCorp) ialah sebuah Organisasi Berteraskan Nilai dengan jumlah aset melebihi RM26 bilion pada Tahun Kewangan 2025. Syarikat-syarikat pelaburan utama di bawah JCorp iaitu KPJ Healthcare Berhad, JLand Group Sdn Bhd, Johor Plantations Group Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Johor Capital Group Sdn Bhd, menerajui kepentingan Kumpulan dalam lima sektor teras iaitu Kesejahteraan & Kesihatan, Hartanah & Infrastruktur, Agribisnes, Makanan & Restoran dan Modal Sabar (*Patient Capital*).

Dengan misi dan tujuan penubuhannya – ‘Membina & Membela’, JCorp telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta pembangunan komuniti mampan di seluruh Johor dan Malaysia. Misi ini diperkukuhkan menerusi entiti impak sosial JCorp iaitu Yayasan Johor Corporation dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad yang melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat mahupun alam sekitar.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai JCorp, sila layari jcorp.com.my atau ikuti kami @johorcorporationofficial di media sosial.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: +607 – 219 2692
Emel: commccd@jcorp.com.my

ASET KEGUNAAN MEDIA

JCORP MEDIA ASSETS

**Nota: Sila kredit Johor Corporation bagi penggunaan gambar dan logo*

MEMBINA DAN MEMBELA